



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### ISU TERMINOLOGI “ELAUN PEKERJA CACAT”

---

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memohon maaf sekiranya terminologi Elaun Pekerja Cacat (EPC) yang telah digunakan sejak tahun 1970-an telah menyinggung perasaan dan sensitiviti golongan tertentu seperti mana yang tular di media sosial. KPWKM sedang memperhalusi perkara ini dan mengkaji terminologi-terminologi sedia ada yang masih diguna pakai sehingga kini untuk dijenamakan semula seiring dengan Sambutan Ulang Tahun ke-75 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang akan disambut pada 7 April tahun ini.

EPC adalah nama bantuan yg digunakan dalam urusan pemberian bantuan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi menggalakkan mereka untuk terus bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif. Selain EPC, JKM juga menguruskan pemberian bantuan lain kepada golongan OKU iaitu Geran Pelancaran (GP) yang diberi bagi membolehkan Orang Kurang Upaya menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil; Bantuan Alat Tiruan Dan Alatan Sokongan (BAT/S) bagi membantu OKU kurang kemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan; Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT); Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB); dan Bantuan Tongkat Putih “*White Cane*” dan Mesin *Braille*.

Dibawah pimpinan Kerajaan Perikatan Nasional, pelbagai bantuan khusus untuk golongan OKU telah diberi perhatian dan ditambah baik. Antara bantuan yang diumumkan ialah:-

### **1. PENJANA**

- i. Insentif RM1,000 kepada majikan yang menggajikan pekerja OKU; dan
- ii. Bantuan OKU sebanyak RM300 diberikan secara *one-off* dan memanfaatkan lebih 190 ribu OKU.

### **2. BELANJAWAN 2021**

- i. Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 dan memberi manfaat kepada 84,000 penerima;
- ii. Kadar EPC dinaikkan daripada RM400 kepada RM450 dan memberi manfaat kepada 88,000 penerima; dan
- iii. Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 yang memanfaatkan seramai 27,753 penerima.
- iv. Bagi mereka yang mempunyai pasangan OKU, had pelepasan cukai kepada pasangan OKU dinaikkan daripada RM3500 kepada RM5000.

### **3. PERMAI**

- i. Bantuan Bakul Makanan bernilai RM100 kepada semua penerima bantuan JKM termasuk OKU.

#### **4. PEMERKASA**

- i. Meningkatkan had kelayakan gaji maksimum bagi bantuan EPC daripada RM1,200 kepada RM1,500 sebulan. Sebanyak RM26 juta diperuntukkan dan memberi manfaat kepada hampir 5,000 OKU;
- ii. Peruntukan sebanyak RM20 juta bagi memperkukuhkan program keusahawanan termasuk memasarkan produk bakeri dan hasil tangan oleh OKU dan warga emas di bawah institusi seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- iii. Golongan OKU berpeluang untuk mendaftar dan memperbaharui pendaftaran perniagaan mereka dengan SSM secara percuma sebagai galakan menceburi bidang perniagaan; dan
- iv. RM25 juta diperuntukkan kepada BSN di bawah Skim Mikrokredit ISTIMEWA bagi golongan OKU menceburi bidang perniagaan dengan had pembiayaan sehingga 50 ribu ringgit dan kadar faedah serendah 3 peratus.

KPWKM komited dalam usaha-usaha memastikan kebajikan kumpulan sasarnya terus terpelihara dan berharap semoga insentif dan kenaikan-kenaikan bantuan yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi kesejahteraan rakyat.

**###**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**19 MAC 2021**